

TAHAP PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN STAF AKADEMIK DI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL

Hj. Mohd Fauzi Hj. Kamarudin, Muliati Hj. Sidek, Dr Izaidin Abdul Majid, Ismail Ibrahim, Sabri Mohamad Sharif & Mimi Nahariah Azwani Mohamed

Abstrak: *Kepentingan penguasaan bahasa Inggeris yang baik di kalangan staf akademik sesebuah universiti adalah amat perlu memandangkan mereka akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan penyelidikan yang pastinya memerlukan seseorang itu mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang baik. Tanpa keupayaan sedemikian, sudah pasti usaha untuk memartabatkan sesebuah universiti itu menjadi sebagai sebuah universiti yang disegani di peringkat lokal dan global akan tergendala. Kajian ini adalah berkenaan tahap penguasaan bahasa Inggeris dikalangan tenaga pengajar di sebuah universiti teknikal di Malaysia. Tahap penguasaan bahasa Inggeris para akademik dinilai menggunakan satu ujian yang khas direka oleh para penyelidik. Kertas kerja ini akan membincangkan hasil dapatan daripada kajian daripada ujian tahap penguasaan bahasa Inggeris yang dijalankan.*

Kata kunci: Tahap Penguasaan, Bahasa Inggeris, Komunikasi, Ujian Penguasaan Bahasa

Pengenalan

Definisi Tahap Penguasaan Bahasa (*Language Proficiency*)

Perbincangan mengenai apakah tahap penguasaan bahasa (*language proficiency*) sering mendatangkan masalah dikalangan para penyelidik. Ini kerana, sehingga kini, masih tiada satu definisi tetap yang dapat dicapai oleh para penyelidik. Cummins (1984), menyatakan bahawa terdapat 64 komponen bahasa yang perlu di teliti apabila membicarakan mengenai tahap penguasaan bahasa. Valdés and Figueroa (1994) pula menyatakan bahawa definisi penguasaan bahasa bukan sahaja merangkumi aspek sebutan (*pronunciation*) sesuatu perkataan atau penggunaan tatabahasa yang betul, tetapi juga, aspek-aspek pelbagai komponen bahasa yang akhirnya membuahkan kepada komunikasi yang berkesan.

Oller and Damico (1991) dalam kajian mereka mendapati bahawa sukar untuk mendefinisikan istilah penguasaan bahasa kerana terdapatnya debat-debat mengenai pendefinisian istilah 'penguasaan bahasa' itu sendiri. Walaubagaimanapun, mereka bersetuju bahawa apa-apa juga ujian tahap penguasaan bahasa yang digunakan, ianya perlu mempunyai hujah-hujah kukuh tentang apa yang akan di nilai dan mengapa komponen-komponen berikut dinilai. Sebagai contoh, penilai boleh membentuk ujian yang mempunyai struktur model atau format ujian-ujian tahap penguasaan bahasa yang lain.

Menurut Persatuan TESOL (*Teachers of English of Other languages*), penguasaan bahasa didefinisikan sebagai tahap penguasaan di mana seseorang individu boleh menggunakan bahasa sasaran di dalam aspek komunikasi dan juga akademik. Individu boleh berbicara dan menggunakan bahasa di dalam melakukan aktiviti-aktiviti seharian. Walaubagaimanapun, mereka juga berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara istilah 'fasih berbahasa' dan 'menguasai bahasa'. Ini kerana, kajian menunjukkan bahawa terdapat mereka yang fasih di dalam sesuatu bahasa tetapi tidak berjaya menguasai bahasa berikut dalam aspek-aspek tatabahasa dan sebagainya.

Menurut American Council on the Teaching of Foreign Languages (ACTFL), penguasaan bahasa didefinisikan sebagai mendedikasikan diri dalam kemahiran bercakap, membaca, menulis dan memahami bahasa sasaran. Ujian ini pula akan memberi kesan kepada penyertaan individu di dalam aktiviti-aktiviti di dalam atau di luar bilik darjah. Definisi-

definisi di atas jelas menunjukkan bahawa di kalangan para penyelidik dan pakar bahasa, masih terdapat pelbagai definisi terhadap erti penguasaan bahasa. Namun begitu, hampir kesemua definisi di atas setuju bahawa istilah penguasaan bahasa merujuk kepada dimensi kurang kemahiran menggunakan bahasa sasaran di dalam aktiviti-aktiviti harian.

Menurut Valdés and Figueroa (1994) seseorang individu yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik boleh mengajukan soalan, memahami mesej dengan jelas, membaca bahan-bahan, menguji idea dan mengenenahkan cabaran-cabaran di dalam situasi tertentu di dalam bahasa sasaran. Penguasaan bahasa akan meliputi empat kemahiran asas iaitu membaca, mendengar, menulis dan bercakap.

Definisi Ujian Tahap Penguasaan (*Language Proficiency Test*)

Oller and Damico (1991) menyatakan bahawa terdapat tiga stail ujian tahap penguasaan bahasa. Stail ujian tahap penguasaan bahasa yang pertama menekankan kepada penguasaan komponen-komponen linguistik seperti fonologi, morfologi, lexicon, sintax dan sebagainya. Menurut stail ujian pertama ini, setiap aspek linguistik di atas perlu diuji. Keputusan keseluruhan ujian perlu melambangkan penguasaan keseluruhan bahasa dalam aspek linguistik. Ujian bersifat linguistik perlu juga meliputi aspek perkataan yang mempunyai bunyi yang serupa tetapi erti yang berbeza - homonim (*homonym*). Menurut mereka, ini akan menguji kemahiran pengayaan *vocabulary* seseorang.

Selain itu, Oller and Damico (1991) berpendapat bahawa masalah utama membentuk ujian tahap penguasaan bahasa adalah seperti berikut:

- a. masalah menguji tahap penguasaan bahasa di dalam satu-satu kemahiran sahaja seperti membaca atau menulis.
- b. masalah menguji tahap penguasaan bahasa di dalam domain linguistik tertentu seperti fonologi atau sintax.
- c. masalah menguji tahap penguasaan bahasa tanpa konteks tertentu atau fungsi penggunaan.

Menurut Oller dan Damico (1991), kekangan ini telah membawa kepada trend di baru di dalam ujian tahap penguasaan bahasa iaitu kaedah ujian holistik atau integrasi. Sebagai contoh, pelajar perlu mendengar sesuatu situasi, kemudian memberikan respon dalam bentuk lisan atau karangan. Tersapat juga usaha di mana pelajar di minta mengaitkan soalan dengan pengalaman mereka. Ini dilihat sebagai cubaan untuk memberikan kesan realistik kepada pelajar agar tahap penguasaan bahasa yang sebenar dapat diuji.

Namun begitu, para linguistik dan pakar bahasa bersetuju bahawa dalam apa jua situasi, ujian tahap penguasaan bahasa perlu dilihat meliputi aspek-aspek berikut:

- a. Menepati objektif ujian
- b. Meliputi skop asas kemahiran bahasa (listening, reading, speaking, writing).
- c. Penggunaan arahan yang tepat
- d. Penggunaan ayat serta perkataan yang setaraf dengan tahap yang ingin diuji

Sebagaimana menurut Oller and Damico (1991), masih terdapat banyak ruang berkenaan tahap penguasaan bahasa yang boleh diperbaiki. Ini kerana, *literature* mengenai ujian tahap penguasaan bahasa masih baru dan perlu diperbaiki dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian konteks dan subjek.

Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI)

Pada 1hb Mac 2008, staf akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menduduki Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI). Ujian ini dikendalikan oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI), sebagaimana menurut saranan pihak pengurusan tertinggi yang menyuarakan agar usaha ke arah memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan warga UTeM, terutamanya dikalangan para pensyarah dijalankan. Ini adalah kerana beberapa faktor utama, antaranya, kelemahan staf akademik di dalam menguasai Bahasa Inggeris. Ini terbukti dengan kegagalan kebanyakan staf akademik untuk mencapai sekurang-kurangnya *band 6* dalam peperiksaan IELTS bagi melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Selain daripada itu, kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik di kalangan staf akademik UTeM adalah amat perlu memandangkan mereka akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan penyelidikan yang pastinya memerlukan seseorang itu mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Tanpa keupayaan sedemikian, sudah pasti usaha untuk memartabatkan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang disegani di peringkat lokal dan global akan tergendala.

Prosedur Penggubalan Soalan

Bagi memastikan bahawa soalan UTPBI adalah berkualiti dan menepati objektif ujian terbabit, beberapa langkah telah diambil oleh pihak PBPI seperti berikut:

- a. Melantik Penyelaras bagi Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris bagi Staf Akademik UTeM.
- b. Melantik Ketua Penggubal soalan UTPBI.
- c. Melantik dua orang Penolong Penggubal soalan UTPBI.
- d. Mengadakan taklimat penggubalan soalan UTPBI yang melibatkan pihak pengurusan PBPI serta penggubal-penggubal soalan.
- e. Mengadakan sesi analisis dan penyemakan soalan UTPBI pada dua peringkat:
 - i. Peringkat penggubal-penggubal soalan (*cross-checking*)
 - ii. Peringkat Timbalan Dekan dan Dekan, PBPI.
- f. Setelah melalui proses di atas, soalan telah bentangkan kepada Yang Berbahagia Timbalan Naib Canselor Akademik bagi mendapatkan perakuan.

Format dan Pemarkahan Ujian

Format soalan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI)

Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI) bagi staf akademik UTeM terdiri daripada dua bahagian; kertas satu dan kertas dua. Kertas satu UTPBI merupakan gabungan soalan-soalan objektif dan subjektif yang dibahagikan kepada lima bahagian, A, B, C, D dan E. Soalan-soalan dilima bahagian ini merangkumi aspek-aspek seperti *comprehension passage*, *error analysis* dan *error identification*. Soalan-soalan berbentuk *comprehension passage* digubal bagi mengenalpasti tahap penguasaan perbendaharaan kata dan pemahaman Bahasa Inggeris staf akademik UTeM. Soalan-soalan berbentuk *error analysis* dan *error identification* pula menguji tahap penguasaan staf terhadap *English grammar*. Adalah perlu dinyatakan bahawa bentuk-bentuk soalan di atas merupakan bentuk-bentuk soalan yang biasa terdapat di dalam beberapa ujian-ujian kecekapan Bahasa Inggeris seperti Malaysian University English Test (MUET), English Placement Test of International Islamic University Malaysia (EPT of IIUM) dan International English Language Test for Proficiency (IELTS). Terdapat 50 soalan pada bahagian satu dan masa yang diperuntukan adalah dua jam.

Kertas dua ujian pula terdiri daripada dua soalan; *Summary Writing* dan *Essay Writing*. Masa yang diberikan untuk menjawab kertas dua adalah satu jam dua puluh minit (sila rujuk lampiran B). Rumusan UTPBI dipamerkan sebagaimana jadual 1 berikut:

Jadual 1: Butiran Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI)

	Bahagian	Jumlah Soalan	Jumlah markah	Jumlah Keseluruhan
Kertas satu	Bah. A	10	5	50 markah
	Bah. B	10	10	
	Bah. C	10	10	
	Bah. D	10	10	
	Bah. E	15	15	
Kertas dua	Bah. A	1	20	50 markah
	Bah. B	1	30	

Pemarkahan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris

Pemarkahan UTPBI adalah seperti berikut:

- Kertas satu mempunyai 45 soalan. Markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 50 markah.
- Kertas dua mempunyai 2 bahagian. Markah yang diperuntukkan adalah 50 markah.
- Pengkhususan gred ujian adalah seperti berikut:

<i>Aggregated Score</i>	<i>Gred</i>	<i>User</i>	<i>Language Ability</i>	<i>Understanding</i>
85-100	A	Cemerlang / <i>Highly Competent</i>	<i>Accurate and appropriate, hardly any inaccuracies</i>	<i>High level of understanding of the language</i>
70-84	B	Baik/ <i>Competent</i>	<i>Appropriate but with occasional inaccuracies</i>	<i>Good level of understanding of the language</i>
60-69	C	Sederhana baik/ <i>Generally Competent</i>	<i>Mostly appropriate but with occasional inaccuracies</i>	<i>Satisfactory level of understanding of the language</i>
45-59	D	Kurang Baik/ <i>Fairly Competent</i>	<i>Usually appropriate but with noticeable inaccuracies</i>	<i>Able to understand but with some misinterpretation</i>
30-44	E	Lemah/ <i>Poor</i>	<i>Inaccurate use of the language resulting in frequent breakdowns in</i>	<i>Limited understanding of</i>

			<i>communication</i>	<i>the language</i>
0-29	F	Sangat lemah/ <i>Very poor</i>	<i>Inappropriate and inaccurate use of the language resulting in very frequent breakdown in communication</i>	<i>Poor understanding of the language</i>

Pengkhuisan yang digunakan bagi Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris ini adalah mirip kepada pengkhuisan peperiksaan MUET (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2006).

Keputusan Ujian

Berikut merupakan keputusan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI) bagi staf akademik UTeM.

Jumlah staf akademik yang menduduki ujian

Bilangan staf akademik yang menduduki UTPBI adalah seramai 221 orang. Secara keseluruhan, 66% staf akademik telah menghadiri ujian ini. FKP mencatat bilangan kehadiran staf tertinggi iaitu 82%, manakala FTMK pula mencatat bilangan kehadiran terendah iaitu 52%. Jadual 2 menunjukkan kehadiran staf akademik UTeM ke Ujian tahap Penguasaan Bahasa Inggeris bagi staf akademik yang baru diadakan pada 1 Mac 2008 yang lalu.

Jadual 2: Jumlah kehadiran staf yang menduduki UTPBI

Fakulti/ Pusat Tanggungjawab	A	B	C	D	E	F	TOTAL
Bil. Kehadiran	40	46	32	33	56	14	221
Bil. Staf Aktif	64	59	56	63	68	24	334
Peratus Kehadiran	63%	78%	57%	52%	82%	58%	66%

Keputusan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris secara umum

Secara keseluruhannya, hanya 2 (1.2%) orang staf berjaya mencapai tahap 'cemerlang'. Sejumlah 64 (29%) orang mencapai tahap 'baik' dan 98 (44%) orang pula mencatatkan tahap penguasaan 'sederhana baik'. Bagi tahap 'kurang baik', 54 (24%) orang mendapat tahap ini. 3 (1.8%) orang staf hanya mencatat tahap 'lemah'. Jadual 3 dibawah menunjukkan keputusan keseluruhan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris bagi staf akademik UTeM.

Gred	Bil	Peratus
Cemerlang	2	1.2
Baik	64	29
Sederhana baik	98	44
Kurang baik	54	24
Lemah	3	1.8
JUMLAH	221	100

Jadual 3: Keputusan Keseluruhan Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris bagi staf akademik UTeM

Kesalahan-kesalahan yang telah dikenalpasti

Kajian mendapati wujudnya enam kategori kesilapan yang paling kerap dilakukan dalam penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan staf. Enam kategori itu ialah kata kerja (verb), tanda baca (punctuation), Lexicon, Syntax, kata arah (prepositions) dan Articles (penggunaan a, an dan the). Penulisan subjek-subjek di dalam kajian ini mungkin berkaitan dengan struktur bahasa dalam bahasa utama subjek-subjek tersebut iaitu Bahasa Melayu. Contohnya, beberapa penulisan Bahasa Inggeris didapati menggunakan terjemahan asas (direct translation) dari ayat Bahasa Melayu seolah-olah ayat-ayat Bahasa Melayu diikuti oleh Bahasa Inggeris yang berstrukturkan Bahasa Melayu. Contohnya:

the cup is at there...

I also got the mark like you...

I wait you there...

Kadar kesilapan yang paling tinggi berlaku adalah dalam kategori kata kerja. Kajian menjelaskan bahawa penggunaan kata kerja dalam Bahasa Inggeris merupakan kesukaran pembelajaran yang utama kepada semua responden. Seseengah kesilapan dalam tenses dan subject-verb agreement adalah disebabkan oleh para responden yang terlupa untuk memilih perkataan yang sesuai untuk kata kerja. Contohnya:

Rahman have many toys...

The teacher want us to come early...

They is playing outside the house...

Kajian ini menyokong pernyataan Worths (2001) bahawa kebanyakan orang Malaysia menghadapi kesukaran menggunakan kata kerja dalam Bahasa Inggeris akibat dari ketiadaan pemilihan perkataan yang betul dalam Bahasa Melayu. Tanda baca pula merupakan kategori kedua tertinggi selepas kata kerja di mana kesalahan penggunaan koma begitu ketara menurut kajian. Tidak seperti ayat-ayat Bahasa Inggeris yang berakhir dalam periods, koma dalam Bahasa Melayu boleh digunakan untuk memisahkan ayat yang panjang. Koma juga adalah tanda baca yang paling kerap digunakan dalam pembinaan ayat. Berikut adalah penggunaan tanda koma yang salah dalam penggunaan Bahasa Inggeris:

Last week, I went to swimming, remember I just know swimming, because, my father teach me swimming, the beginner level....

...teacher and students, should work together to make the vision of UTeM, which is...

Lexicon atau pemilihan perkataan pula merupakan kategori kesalahan yang ketiga tertinggi dalam kajian ini. Pemilihan perkataan yang betul adalah penting kerana ia merupakan asas kefahaman bagi sesuatu bahasa dan budaya. Walau bagaimanapun, akibat perbezaan budaya dan lexicon antara Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris maka sesetengah perkataan yang digunakan oleh para responden dalam penulisan mereka adalah salah. Penggunaan sinonim yang salah adalah juga merupakan faktor yang menyebabkan kesilapan dalam pemilihan perkataan (lexicon). Contohnya:

Being an educator is my most memorable thing... I often... feel happy and warm and fragrant...

Everybody ate very full...

I don't watch the car in that time...

Pemilihan perkataan yang tidak betul adalah disebabkan oleh kurangnya perhatian dalam konteks kesesuaian perkataan yang hendak digunakan. Jadi, mereka yang mempunyai lebih kefahaman dalam pemilihan perkataan akan menggunakan perbendaharaan kata yang lebih sesuai dan tepat.

Kesilapan keempat yang paling ketara ialah kesilapan syntac. Kesilapan yang dilakukan dalam penulisan para responden ini ialah berasaskan dari pentafsiran syntac atau susunan perkataan Bahasa Melayu yang tidak sepatutnya berlaku dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Contohnya:

...I didn't hard learn...

I with my father, mother, sister and brother go to. ...

Kemudian, kajian juga menunjukkan kesilapan kerap dilakukan dalam penggunaan kata arah. Kesilapan biasanya berbentuk meninggalkan penggunaan kata arah, salah menggunakan kata arah dan penambahan kata arah yang tidak diperlukan. Contohnya:

At last, we went the party...

I can't forget to forever....

...scattering in the floor...

At one day...

Akhir sekali, kesilapan yang tidak boleh diketepikan ialah kesilapan dalam menggunakan articles iaitu penggunaan a, an dan the. Penggunaan articles dengan betul dalam Bahasa Inggeris sangat penting dibandingkan dengan Bahasa Melayu yang lebih fleksibel. Kemungkinan para responden kadang kalanya terlupa menggunakan article akibat dari percanggahan bahasa pertama yang digunakan. Contohnya:

Previous month...

...take tent away...

While hearing what person say...

...first time...

Rumusan dan Cadangan

Rumusan

Berikut adalah rumusan yang dapat dibuat daripada keputusan ujian.

- a. Seramai 221 orang staf akademik telah hadir menduduki Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI) kendalian Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI).
- b. Hanya 2 (1.2%) orang staf akademik berjaya mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris 'cemerlang'.
- c. Seramai 64 (29%) orang staf akademik berjaya mencapai tahap 'baik' di dalam ujian ini.
- d. Bagi tahap 'sederhana baik', 98 (44%) orang staf dikategorikan di dalam tahap ini
- e. 54 (24%) orang staf akademik mencapai tahap 'kurang baik' dan 3 (1.8%) orang staf dikategorikan sebagai 'lemah'.

Cadangan

Merujuk kepada keputusan ujian yang telah dijalankan, pihak Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan mengemukakan beberapa cadangan bagi memperbaiki tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pensyarah.

a. Mengadakan modul khas BI dalam kursus P&P

Kursus ini akan diadakan menggunakan modul khas yang akan dibentuk oleh Jabatan Bahasa, PBPI. Kursus ini wajib diikuti oleh staf akademik baru dan akan dimasukkan dalam kalendar kursus kendalian PPP. Kursus ini merupakan prasyarat bagi pengesahan jawatan di mana peserta wajib mencapai tahap kelulusan minimum yang ditetapkan. Sekiranya peserta gagal untuk mencapai tahap tersebut, maka mereka perlu mengulangi kursus yang sama untuk sesi yang lain.

b. Kursus peningkatan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris

Bagi meningkatkan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris di kalangan para pensyarah UTeM, satu kursus khas adalah dicadangkan (sila rujuk lampiran C). Kursus ini akan memberikan penekanan terhadap aspek-aspek komunikasi berkesan di dalam Bahasa Inggeris seperti '*organizing speech*', '*body gestures*', '*vocal variety*', '*knowing the audience*' dan lain-lain. Kursus ini juga akan berjalan selama 50 jam, 4 jam seminggu. Bagi kursus ini, PBPI mencadangkan agar ianya dibuka kepada semua staf akademik.

c. Pengambilan staf akademik yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik

Untuk memastikan agar masalah penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan staf akademik UTeM dapat dikurangkan, adalah dicadangkan agar calon yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik sahaja dipilih untuk menyertai UTeM. Usaha ini sebenarnya telahpun dijalankan oleh Pejabat Pendaftaran dengan kerjasama Jabatan Bahasa, PBPI melalui sesi temuduga saringan Bahasa Inggeris.

d. Mengalakkan penggunaan 'Self-access Language Lab (SALL), Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan' dikalangan warga UTeM

Selain daripada usaha-usaha di atas, staf akademik serta warga UTeM secara umumnya perlu digalakkan untuk menggunakan SALL yang akan mula beroperasi pada semester satu, sesi 2008/2009. Kewujudan SALL dapat membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan warga UTeM.

e. Kelas persediaan peperiksaan IELTS

Kelas pemantapan peperiksaan IELTS yang kini dikendalikan oleh Pejabat Pendaftar perlu diteruskan dengan lebih giat lagi. Modul kelas pemantapan peperiksaan IELTS perlu dimantapkan dan dikemaskini. Tenaga-tenaga pengajar Bahasa Inggeris dari PBPI yang berkualiti dan berpengalaman perlu dipilih serta dikenalpasti bagi mengendalikan kelas ini. Teknik-teknik menjawab soalan-soalan peperiksaan IELTS perlu ditekankan. Ini kerana, di dalam peperiksaan IELTS, pengetahuan terhadap teknik menjawab soalan akan menyumbang kepada keputusan peperiksaan yang lebih baik.

Penutup

Secara umumnya, Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (UTPBI) telah berjaya memberikan gambaran kepada pihak pentadbiran tertinggi UTeM berkenaan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan staf akademik UTeM. Justeru itu, langkah-langkah yang dicadangkan perlu dijalankan agar usaha-usaha kearah meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris staf UTeM dapat dipertingkatkan. Dalam pada itu, sokongan padu dari pihak pengurusan tertinggi UTeM, fakulti-fakulti dan pusat-pusat tanggungjawab yang lain adalah amat diperlukan bagi memastikan segala usaha dapat dijayakan dan dijalankan dengan efektif dan sistematik.

Rujukan

- Cummins, J. (1983). Language proficiency and academic achievement. In J. W. Oller, Jr. (Ed.), *Issues in language testing research* (pp. 108-126). Rowley, MA: Newbury House.
- Damico, J.S. (1991). Descriptive assessment of communicative ability in limited English proficient students. In E.V. Hamayan & J.S. Damico (Eds.) *Limiting bias in the assessment of bilingual students*. (pp. 157-218) Austin: PRO-ED.
http://www.tesol.org/s_tesol/sec_document.asp?CID=113&DID=317
- Flowerdew, J. (Ed). (1994). 'Academic Listening: Research perspectives' Ins Jordan, R. 1997. *English for Academic Purposes: A guide and resource book for teachers*. Cambridge: CUP.
- Flowerdew, J. and M. Peacock. (2001). *Research Perspectives on English for Academic Purposes*. Cambridge: CUP.
- Hewings, M. (1993). 'Pronunciation tasks' Ins Jordan, R. 1997. *English for Academic Purposes: A guide and resource book for teachers*. Cambridge: CUP.
- Holme, R. (1996). *ESP Ideas*. London: Longman.
- Howatt, A. (1984). 'A History of English Language Teaching.' Ins. Dudley-Evans, T. and M. St John. 1998. *Developments in ESP: A multi-disciplinary approach*. Cambridge: CUP.
- Jordan, R. (1997). *English for Academic Purposes: A guide and resource book for teachers*. Cambridge: CUP.
- Kennedy, C. (2001). 'Language use, language planning and EAP' Ins Flowerdew, J. and M. Peacock (eds.). 2001. *Research Perspectives on English for Academic Purposes*.

- Cambridge: CUP.
- Kennedy, C. and R. Bolitho. (1990). *English for Specific Purposes*. London: Macmillan Publishers Ltd.
- Merriam, S. (1988). *Case study Research in Education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Munby, J. (1978). *Communicative Syllabus Design*. Cambridge: CUP.
- Oller, J.W., Jr., & Damico, J.S. (1991). Theoretical considerations for the assessment of LEP students. In E.V. Hamayan & J.S. Damico (Eds.) *Limiting bias in the assessment of bilingual students*. (pp. 77-110) Austin: PRO-ED.
- Robinson, P. (2001). *ESP Today: A Practitioner's Guide*. Hertfordshire: Prentice-Hall.
- Valdés, G., & Figueroa, R. (1994). *Bilingualism and testing: A special case of bias*. Norwood, NJ: Ablex.

Hj. Mohd Fauzi Bin Hj Kamarudin
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
mohdfauzi@utem.edu.my

Muliati Binti Hj. Sidek
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
muliati@utem.edu.my

Dr Izaidin bin Abdul Majid
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
izaidin@utem.edu.my

Ismail bin Ibrahim
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
ismailibrahim@utem.edu.my

Sabri bin Mohamad Sharif
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Mimi Nahariah Azwani bt. Mohamed
Universiti Tun Hussein Onn